

Banjir di Kedah surut sepenuhnya



SEORANG penduduk di Kampung Bendang Baru, Pokok Sena, Alor Star, Yahya Sulaiman membersihkan tikar getah rumahnya setelah dibenarkan pulang apabila banjir telah surut semalam.

ALOR STAR 29 Okt. - Keadaan banjir di Kedah pulih sepenuhnya apabila baki 245 mangsa banjir, masing-masing 36 orang di daerah Kota Star dan 209 di Pendang, pulang ke rumah mereka hari ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri ketika dihubungi petang ini memberitahu, pusat pemindahan di Kampung Alor Binjai dan Kampung Kelumpang

yang menempatkan 36 mangsa membabitkan 10 keluarga dari daerah Kota Star ditutup awal pagi ini.

Katanya, pusat pemindahan Kompleks Rakan Sukan Pendang yang menempatkan sejumlah 209 mangsa melibatkan 47 keluarga pula ditutup petang ini.

Keadaan paras air di Sungai Pendang surut daripada 2.63



MANGSA banjir, Rizam Abd Rahman dan isteri, Zuraini Zulkifli pulang semula ke rumah mereka setelah banjir mulai surut di Kampung Alor Pendang, Kedah, semalam.

meter pada pukul 9 malam tadi kepada 2.48 meter pada pukul 9 pagi ini, sementara air Sungai Titi Haji Idris tidak banyak berubah sejak semalam iaitu berada pada paras 2.20 meter.

Jurucakap itu berkata, bilik gerakan banjir juga ditutup pada petang ini.

Bagaimanapun, menurutnya, pusat itu sedia dibuka semula

pada bila-bila masa sekiranya banjir melanda kembali negeri Kedah.

Dalam kejadian banjir yang melanda negeri ini sejak lebih seminggu lalu, lebih 1,000 penduduk di tiga daerah dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan yang disediakan.

Tiga daerah tersebut ialah Kubang Pasu, Pendang dan Kota Star.